



FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

NASKHAH PERCUMA

consumer.forum.malaysia

cfm_malaysia

H 2 2020

ISU BULETIN -
KEBANGKITAN PEMBAYARAN
ELEKTRONIK TANPA TUNAI DI MALAYSIA

Adakah selamat dan akan kekal lama?

DIGITAL -
6 LANGKAH KRITIKAL UNTUK KESELAMATAN
DALAM TALIAN YANG LEBIH TERJAMIN

Tip penting untuk bekerja dari rumah dengan selamat

SHOUT!

TERBITAN FORUM PENGGUNA
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

INTERAKSI BERSAMA...
**ACP NIK EZANEE
MOHD FAISAL**

Wajah mesra PDRM



Imbas kod QR
untuk membaca di
consumerinfo.my

ISSN 2289-3504



KDN PP 17752/11/2013 (033132)

9 772289 350008 >

PENGENALAN



NOTA EDITOR

Pembaca yang dihormati,

Selamat datang kembali ke edisi terkini majalah SHOUT! buat pembaca yang disayangi. Kita kini telah menghampiri penghujung tahun yang penuh peristiwa dalam sejarah. Lebih-lebih lagi pada waktu ini, semua orang perlu celik teknologi dan mahir untuk melayari web perkhidmatan dan aplikasi yang semakin menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita, tidak kira dari sudut kerja, perdagangan, interaksi sosial dan banyak lagi yang telah mula beralih ke dalam talian.

Dalam segmen Media Sosial, kami berkongsi cara mengenal pasti tanda-tanda anda mempunyai ketagihan terhadap telefon pintar dan cara untuk mengatasinya. Kami juga berkongsi di ruangan Zon App tentang enam aplikasi penghantaran yang terkenal dan di ruangan Digital, kami berkongsi tentang langkah penting yang perlu diambil untuk menjaga keselamatan dalam talian sepanjang bekerja dari rumah.

Kami juga mengadakan temu bual khas bersama ACP Nik Ezanee Mohd Faisal yang sangat mudah didekati dan telah menjadi 'wajah mesra' institusi polis di media sosial. Beliau berkongsi cerita tentang diri dan inisiatif beliau 'Satu Kebaikan Sehari'.

Sebelum kami menutup isu tahun 2020, tim editorial SHOUT! dan saya sendiri ingin mengucapkan selamat tahun baharu buat semua pembaca yang disayangi. Jaga keselamatan diri dan jumpa anda semua di tahun 2021.

Ts. Dr. Syed Agil Shekh Alsagoff
Editor

JAWATANKUASA EDITORIAL

**AHMAD IZHAM
KHAIRUDDIN**

**NOOR
SHAHDIELLA ABD
MANAN**

**ROHARRASHIDAH
ABDUL HALIL**

SHOUT!

diterbitkan oleh:

Forum Pengguna

Komunikasi dan

Multimedia Malaysia (CFM)

MCMC Centre of Excellence

(MCMC CoE),

Jalan Impact, Cyber 6,

63000 Cyberjaya,

Selangor



03-8320 9033



03-8320 9083



www.consumerinfo.my

www.cfm.my



Muat turun

MY MOBILE RIGHTS



DICETAK OLEH

Ultimate Print Sdn. Bhd.

Lot 2, Jalan Sepana 15/3,

Off Persiaran Selangor,

Seksyen 15,

40200 Shah Alam, Selangor

KDN PP 17752/11/2013

(031332)

KANDUNGAN

MEDIA SOSIAL

3

ANDA KETAGIHAN TELEFON PINTAR? BERIKUT 6 TANDA- TANDANYA

Adakah penggunaan telefon pintar boleh menjadi ketagihan? Ketahui cara mengenal pasti dan untuk mengatasinya

INTERAKSI

4-5

ACP NIK EZANEE MOHD FAISAL, KETUA POLIS DAERAH PETALING JAYA

CFM berbual dengan figura dan wajah mesra PDRM ini tentang kerjayanya dan apa yang membuatkan diri beliau berbeza

ZON APP

6

6 APLIKASI PERKHIDMATAN KURIER YANG SANGAT BERGUNA

Penghantaran kini lebih mudah dengan adanya aplikasi-aplikasi penghantaran berguna ini

ISU BULETIN

7

KEBANGKITAN PEMBAYARAN ELEKTRONIK TANPA TUNAI DI MALAYSIA - ADAKAH SELAMAT DAN AKAN KEKAL LAMA?

Pembayaran elektronik tanpa tunai sedang memuncak namun apakah tujuannya dan adakah ia selamat? Ketahui lebih lanjut melalui kupasannya di ruangan ini

PAUTAN

8-9

PROGRAM DAN AKTIVITI CFM BERSAMA PENGGUNA

Ketahui lebih lanjut mengenai berita dan aktiviti yang diadakan oleh CFM

DIGITAL

10

6 PERKARA KRITIKAL YANG PERLU ANDA LAKUKAN UNTUK KESELAMATAN DALAM TALIAN YANG LEBIH TERJAMIN SEMASA BEKERJA DARI RUMAH

Ketahui langkah untuk memastikan anda kekal selamat di dalam talian sepanjang bekerja dari rumah

ANDA KETAGIHAN TELEFON PINTAR? BERIKUT 6 TANDA-TANDANYA

Berbicara tentang pemilikan telefon pintar, 97% pengguna internet dalam lingkungan umur 16 hingga 64 tahun di Malaysia memiliki telefon pintar peribadi iaitu seramai 26.69 juta pengguna pada Januari 2020 ⁽¹⁾. Ia menunjukkan betapa kita sangat terhubung secara digital, maka boleh difahami bahawa telefon pintar menjadi alat yang sangat diperlukan pada masa kini. Namun apakah garis pemisah yang menentukan sama ada alat yang kita bawa ke mana sahaja setiap hari itu adalah satu bentuk keperluan ataupun ketagihan?

Penggunaan dan pemilikan telefon pintar itu sendiri bukanlah faktor terjadinya ketagihan. Namun disebabkan bentuknya yang mudah dibawa ditambah pula dengan pelbagai aplikasi yang boleh dimuatkan didalamnya seperti permainan video dan media sosial, faktor itu yang mendorong kuat seseorang untuk menggunakannya berulang kali. Secara tidak sedar, kita merasa puas dapat berinteraksi secara atas talian tidak kiralah sama ada dengan mengemas kini status, memberi tanda 'suka' dan 'kongsi' apabila kita melayar suapan dan kandungan di media sosial.

Kajian menunjukkan terdapat peningkatan yang berkait antara penggunaan telefon pintar dan peningkatan tahap kebimbangan dan kemurungan, kualiti tidur yang terjejas dan pertambahan risiko kemalangan ⁽²⁾. Penyelidikan sedang dijalankan dalam kalangan pakar mental dan kesihatan untuk menentukan sama ada ketagihan telefon pintar ini betul-betul sejenis ketagihan atau gangguan kompulsif. Terdapat persetujuan pendapat dalam kaji selidik bahawa tabiat penggunaan telefon pintar secara berlebihan boleh dilihat melalui gabungan beberapa tingkah laku pada tahap berbeza seperti berikut:

- 1 Tabiat penggunaan telefon pintar anda telah menyebabkan anda atau mereka yang anda kenali mengalami kemalangan atau kecederaan.
- 2 Apabila anda bosan, anda akan mendapatkan telefon anda dan akan banyak menghabiskan masa menggunakannya.
- 3 Anda berasa marah, kecewa, cemas, atau mempunyai semua campuran perasaan tersebut apabila anda berjauhan dengan telefon anda atau ketika sambungan internet dalam keadaan tidak memuaskan.
- 4 Tabiat penggunaan telefon pintar anda telah memberi kesan terhadap hubungan peribadi dan prestasi anda di sekolah atau di tempat kerja.
- 5 Anda selalu tidak boleh tidur dan terjaga pada waktu malam hanya untuk memeriksa telefon anda.
- 6 Anda meluangkan masa melayari internet dan media sosial serta kerap menghantar mesej pada setiap masa sepanjang hari di antara waktu kerja dan tugas lain.

Memang tidak dinafikan lagi bahawa tabiat seperti di atas boleh membawa risiko besar terhadap kesihatan dan kesejahteraan diri anda untuk jangka masa panjang terutamanya jika ia dibiarkan tanpa batasan. Daripada anda membiarkan diri terus tenggelam dalam ketagihan, jalan yang terbaik ialah dengan mengurangkan waktu penggunaannya dan sedar akan penggunaan telefon pintar mengikut waktu dan tempat yang sesuai. Berikut ialah **beberapa tip yang efektif** untuk anda mulakan:

- 1 Kurangkan pengeluaran notifikasi untuk semua aplikasi kecuali aplikasi yang betul-betul diperlukan untuk kerja dan kehidupan seharian – matikan semua bunyi notifikasi media sosial dan mesej baharu.
- 2 Apabila anda pulang ke rumah selepas bekerja, tinggalkan telefon anda di luar bilik tidur dan biarkan untuk dicaj di sana. Elakkan segala panggilan telefon, tinggalkan semuanya hingga keesokan hari.

- 3 Sekiranya anda sukar untuk mengekang desakan penggunaan telefon pintar, cuba gunakan penyekat aplikasi seperti aplikasi *Freedom* untuk menghadkan penggunaan aplikasi yang mengganggu pada telefon anda.
- 4 Bina hobi baharu yang boleh mengisi waktu lapang seperti membuat tembikar, menggubah bunga atau mungkin anda boleh mempelajari kemahiran baharu seperti pengekodan atau menguasai bahasa asing.

Jangan kecewa dan putus asa jika anda tidak berjaya mengurangkan penggunaan telefon pintar yang berlebihan. Jadikan ia sebagai langkah untuk terus memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dan teruskan mencuba!



*Rujukan:

- (1) Laporan *Hootsuite Digital 2020 Malaysia*
- <https://datareportal.com/reports/digital-2020-malaysia>
- (2) *Dopamine, Smartphones & You: A Battle for Your Time*
- <http://sitn.hms.harvard.edu/flash/2018/dopamine-smartphones-battle-time/>

INTERAKSI

INTERAKSI BERSAMA ACP NIK EZANEE MOHD FAISAL*

KETUA POLIS DAERAH PETALING JAYA

Berkhidmat hampir 15 tahun untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Asisten Komisioner (ACP) Nik Ezanee Mohd Faisal menjadi wajah berseragam biru tumpuan ramai apabila video beliau menyantuni warga tua telah tular di media sosial. SHOUT! mendekati beliau untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peranannya sebagai Ketua Polis Daerah Petaling Jaya sekarang dan cerita menarik tentang dirinya.

Saya percaya jika kita melakukan satu kebaikan setiap hari, ia akan memberi impak positif bukan sahaja kepada orang sekeliling kita tetapi juga seluruh komuniti.

Pada waktu tempoh PKP, kami mempunyai hampir 800 petugas yang bertugas di jalanan setiap hari untuk menguruskan 14 sekatan jalan raya, 3 pusat kuarantin dan tugas berkaitan pencegahan jenayah. Saya bersama mereka tidak kira hujan atau panas. Saya berterima kasih kepada isteri dan anak yang sentiasa menyokong saya dan ingatan saya selalu buat mereka.

- ACP NIK EZANEE MOHD FAISAL -



INTERAKSI

1. Boleh Tuan ceritakan serba sedikit berkenaan perjalanan karier bersama PDRM?

Saya memulakan karier saya pada tahun 2005 sebagai Penolong Penguasa Polis Kadet, bertempur dengan perdagangan narkotik selama sedekad kemudian menghabiskan empat tahun sebagai Urus Setia Ketua Polis Negara di mana saya pernah berkhidmat dengan tiga Ketua Polis Negara (KPN) di bahagian Perhubungan Antarabangsa. Dalam tempoh itu, saya telah bertugas di FBI National Academy di Quantico untuk latihan penguatkuasaan undang-undang. Sejak Februari 2020, saya dilantik menjadi Ketua Polis Daerah (OCPD) Petaling Jaya dengan pangkat terkini sebagai Asisten Komisioner (ACP).

2. Boleh Tuan kongsikan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang menjadi Ketua Polis Daerah Petaling Jaya?

Menjadi pegawai polis adalah profesion yang terpuji namun ia adalah salah satu pekerjaan yang sering diperhatikan oleh masyarakat. Impian saya ialah untuk memenangi hati dan kepercayaan masyarakat, dan kami telah menjalankan beberapa inisiatif untuk mencapai matlamat tersebut.

Pertamanya, kami mahu menjadi contoh yang baik. Kami perlu melaksanakan apa yang kami janjikan. Untuk mencapai matlamat itu, kami berusaha menunjukkan tadbir urus korporat yang baik dan menyatakan dengan jelas bahawa rasuah tidak akan diberi toleransi.

Kedua, saya berhasrat untuk memastikan diri saya mudah berhubung dengan komuniti dan rakan-rakan PDRM. Sesiapa sahaja boleh datang ke pejabat saya dan boleh menghubungi nombor telefon saya tanpa keperluan temu janji. Kami mahu memastikan setiap orang mendapat maklumat terkini berkaitan kejadian jenayah dan juga inisiatif COVID-19.



Inisiatif lain ialah kami sedang mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan interpersonal pada semua peringkat. Saya tidak pernah melepaskan peluang untuk meluangkan masa di pejabat pertanyaan balai kami setiap hari dan kerap membantu menjawab pertanyaan supaya saya dapat menunjukkan kepada kakitangan tentang bagaimana saya mahu mereka berkomunikasi.

Akhir sekali, kami juga berhasrat untuk membantu masyarakat di luar tugas biasa kami dengan kempen 'One Good Deed A Day' sesuai dengan peranan kami sebagai penjaga masyarakat. Saya percaya jika kita melakukan satu kebaikan setiap hari, ia akan memberi impak positif bukan sahaja kepada orang sekeliling kita tetapi juga seluruh komuniti.

3. Boleh kongsikan salah satu kenangan terindah Tuan?

Salah satu kenangan terindah saya adalah sewaktu tiga bulan pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia. Saya ingat lagi apabila Petaling Jaya menjadi daerah pertama yang melakukan penutupan jalan untuk menyekat perjalanan antara Kota Damansara dan Sungai Buloh. Ia adalah keputusan yang besar tetapi kami perlu melakukannya kerana kedua-dua kawasan tersebut mencatat kes yang tinggi pada waktu itu. Untuk pemeriksaan sekatan jalan raya, saya bersama rakan-rakan polis berada di barisan hadapan menasihati orang awam untuk kekal berada di rumah sewaktu tempoh PKP dan di situlah kita dapat mendengar pelbagai alasan kreatif yang diberikan oleh orang awam untuk keluar dari rumah.

Saya memperuntukkan sekurang-kurangnya 18 jam sehari termasuk hujung minggu untuk menguruskan seluruh daerah. Pada waktu itu, kami mempunyai hampir 800 petugas yang bertugas di jalanan setiap hari untuk menguruskan 14 sekatan jalan raya, 3 pusat kuarantin dan tugas berkaitan pencegahan jenayah. Saya bersama mereka tidak kira hujan atau panas. Saya berterima kasih kepada isteri dan anak yang sentiasa menyokong saya dan ingatan saya selalu buat mereka.

4. Ada pesanan buat Pembaca SHOUT! di luar sana?

Jenayah komersial semakin meningkat di mana warga emas menjadi sasaran penipuan dalam talian (*online scam*) dan panggilan penipuan (*scam call*). Saya ingin memberitahu pembaca bahawa polis tidak akan pernah menghubungi anda untuk meminta maklumat peribadi dalam keadaan apa sekali pun. Kami juga tidak akan meminta anda untuk memindahkan wang ke mana-mana akaun.

SOALAN RAPID FIRE SHOUT!

5. Apakah yang mendorong Tuan untuk menyertai PDRM?

Saya mahu lakukan perubahan dan menjadikan dunia sebagai tempat yang lebih baik.

6. Gambaran diri Tuan dalam 3 perkataan.

Berani, Tidak Sabar, Unik

7. 'Mantera' hidup?

Festina Lente – Bertindak pantas, bukan gopoh (Saya selalu beritahu diri saya sebab saya bukan penyabar orangnya)

8. Jika boleh menjadi superhero, kuasa apa yang ingin dimiliki?

Kuasa halimunan

9. Makanan kegemaran?

Nasi berlauk Kelantan

10. Kopi atau teh?

Kopi

11. Lebih sukakan laut atau hutan?

Boleh saya pilih pantai?



6 APLIKASI PERKHIDMATAN KURIER YANG SANGAT BERGUNA

Kini anda boleh lakukan penghantaran bungkusan mahupun barangan runcit terus dari pintu ke pintu melalui aplikasi-aplikasi ini yang sangat memudahkan

Dahulunya, jika kita ingin membuat sesuatu penghantaran, kita perlu meluangkan masa untuk pergi ke pejabat pos. Namun disebabkan berlakunya wabak pandemik baru-baru ini, pelbagai aplikasi perkhidmatan kurier telah muncul dan berkembang dengan menawarkan servis penghantaran dari pintu ke pintu. Semua jenis penghantaran bermula dari surat sehinggalah penghantaran kek hari jadi boleh dilakukan. Bahagian yang paling menarik ialah anda boleh lakukan semuanya hanya melalui telefon pintar dan kuasa teknologi moden!

Berikut ialah enam (6) pilihan perkhidmatan kurier yang berguna apabila anda perlu membuat penghantaran segera ataupun ada tugasan yang perlu dihantar secepat mungkin!



BUNGKUSIT

Jika anda berhajat untuk menghantar atau menerima sesuatu, Bungkusit boleh membantu menyelesaikan keperluan anda seperti mendapatkan makanan di restoran kegemaran anda ataupun membantu anda untuk menghantar bungkusan kepada orang lain yang berdekatan. Servis penghantaran segera ini membolehkan anda menjejak pergerakan penghantar dan boleh menerima hampir semua jenis barang yang boleh diletakkan di atas motosikal dengan berat maksimum sehingga 10kg. Buat masa ini, perkhidmatan Bungkusit hanya boleh digunakan di sekitar Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang, Melaka, dan Negeri Sembilan.



LALAMOVE

Aplikasi penghantaran atas permintaan (*on-demand*) ini membolehkan anda menghantar beberapa barang dengan pilihan penghantaran pada hari yang sama. Mereka boleh menghantar barang seperti bunga, bungkusan dan juga barang yang lebih besar seperti perabot dan banyak lagi. Ia pastinya mudah buat anda yang ingin berpindah rumah. Lalamove juga membenarkan anda untuk memilih jenis kenderaan yang anda perlukan. Anda boleh pilih motosikal untuk penghantaran yang kecil atau memilih kenderaan yang lebih besar seperti trak 14 tan. Namun buat masa sekarang, perkhidmatan ini hanya boleh digunakan di sekitar Lembah Klang sahaja.



GRABEXPRESS

GrabExpress merupakan salah satu bahagian daripada sebuah aplikasi tempahan perkhidmatan kenderaan (*e-hailing*) dan penghantaran makanan yang popular di Malaysia. GrabExpress menyediakan perkhidmatan penghantaran atas permintaan segera dari pintu ke pintu. Anda boleh menghantar bungkusan, dokumen, atau pakej dengan kadar berat sehingga 10kg dengan cepat dan terdapat penjejakan masa-nyata dalam aplikasi tersebut agar anda boleh menjejak perjalanan penghantaran. Aplikasi ini agak mudah digunakan dan perkhidmatan penghantaran GrabExpress boleh didapati dan digunakan di hampir kesemua bandar utama di Malaysia.



MATDESPATCH

Dinamakan sempena istilah santai atau panggilan untuk pemandu penghantaran, MatDespatch merupakan servis penghantaran atas permintaan yang beroperasi di sekitar Lembah Klang. Aplikasi ini menyediakan pilihan untuk menguruskan keperluan bisnes yang mencari solusi untuk jumlah penghantaran yang besar. Mereka juga telah berkembang dengan menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan dan turut mempunyai kedai dalam talian.



NINJAVAN

Ninjavan adalah perkhidmatan penghantaran jarak jauh yang menawarkan pakej perkhidmatan terutamanya kepada perniagaan dan boleh mengendalikan penghantaran rentas sempadan ke negara lain di sekitar Asia Tenggara termasuklah penghantaran dari pintu ke pintu di China, Korea, Jepun, Taiwan, dan Hong Kong. Ninjavan juga menyediakan perkhidmatan pembayaran tunai sewaktu pelanggan menerima barangan (*cash-on-delivery*).



GOGET

Aplikasi ini bukanlah aplikasi yang terlalu menawarkan khidmat penghantaran atas permintaan. Ia lebih kepada platform untuk mendapatkan pekerja separuh masa yang berkelayakan untuk membantu tugas anda dalam jangka masa yang pendek. Aplikasi ini boleh digunakan di sekitar Lembah Klang, sebahagian kawasan di Pulau Pinang, dan Johor Bahru. Melalui GoGet, anda boleh mendapatkan sumber tenaga kerja seperti *promoter*, pembantu am, dan lain-lain. Anda juga boleh mendapatkan petugas sementara untuk mengendalikan kerja-kerja di rumah, menjaga haiwan peliharaan anda dan banyak lagi.

KEBANGKITAN PEMBAYARAN ELEKTRONIK TANPA TUNAI DI MALAYSIA – ADAKAH SELAMAT DAN AKAN KEKAL LAMA?

Beberapa tahun yang lalu, rata-rata pengguna di Malaysia akan membawa sejumlah wang tunai bersama mereka atau sebagai gantinya membawa kad kredit atau kad debit untuk melakukan sesuatu pembelian. Wang tunai digunakan terutamanya apabila membuat pembelian di perusahaan kecil seperti gerai penjaja dan juga perlu membawanya sebagai langkah selamat jika sistem pembayaran kad di sesuatu kedai tergendala.

Kembali semula ke hari ini, urusan jual beli di pasar malam, sistem pembayaran tambang teksi dan juga pembelian barang runcit kini semuanya boleh dibuat di hujung jari melalui penggunaan telefon pintar. Anda boleh membayar hampir apa sahaja yang anda bayangkan tanpa memerlukan mata wang fizikal hanya melalui pembayaran elektronik tanpa tunai.

Apakah itu pembayaran elektronik tanpa tunai?

Penggunaan pembayaran elektronik tanpa tunai pada awalnya berjalan pada kadar sederhana di Malaysia, sehinggalah berlakunya pandemik COVID-19 yang mendorong aktiviti pembayaran elektronik digunakan secara lebih meluas. Ia ditambah pula dengan keperluan untuk menjaga kebersihan bagi mengekang penularan virus.

Kepada yang belum tahu, pembayaran elektronik tanpa tunai atau e-wang sebenarnya adalah wang sebenar tetapi disimpan di dalam dompet digital atau e-dompet. Kebiasaannya ia digunakan melalui aplikasi yang dimuat turun ke dalam telefon pintar. Aplikasi tersebut bertindak menyulit maklumat dan melindungi e-wang anda supaya sentiasa dalam keadaan selamat.

Apabila anda melakukan transaksi, anda menggunakan nilai yang disimpan dalam e-dompet tersebut untuk membayar barangan. Cara paling mudah ialah dengan mengimbas kod QR daripada penjual dan anda sudah boleh memindahkan wang ke akaun mereka. Untuk urusan tambah nilai e-dompet juga boleh dilakukan dengan beberapa cara namun yang sering dilakukan pengguna ialah dengan memasukkan kad kredit atau kad debit di dalam aplikasi tersebut dan penambahan nilai boleh dilakukan apabila perlu.

Kelebihan utama kaedah moden ini kepada pengguna ialah ianya mudah dan pantas. Anda tidak perlu lagi bersusah payah mencari wang kertas dan duit syiling untuk membayar barangan anda. Beberapa penyedia perkhidmatan e-dompet turut menawarkan faedah tambahan seperti ganjaran, bonus khas dan banyak lagi apabila anda menggunakannya.

Dengan kemudahan dan keantasan seperti itu, pembayaran elektronik tanpa tunai atau juga dikenali sebagai e-wang kini mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Malaysia berada di lorong pantas untuk menjadi sebuah masyarakat tanpa tunai apabila lebih banyak organisasi bahkan institusi seperti hospital turut menerima pembayaran elektronik tanpa tunai.

Kerajaan Malaysia turut menyokong penggunaan e-dompet melalui **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** di mana rakyat Malaysia yang layak, menerima kredit bernilai RM50 yang dikreditkan terus ke akaun e-dompet masing-masing. Program ePenjana yang bernilai RM750 juta keseluruhannya itu dianggarkan memberi manfaat kepada 15 juta rakyat Malaysia.

Adakah pembayaran elektronik tanpa tunai selamat digunakan?

Dengan lebih banyak penjual dan penyedia perkhidmatan yang menerima pembayaran elektronik tanpa tunai serta dengan kemunculan pelbagai penyedia perkhidmatan e-dompet, timbul satu soalan yang tidak dapat dielakkan – adakah ia selamat? Apa yang pasti, semua penyedia e-dompet beroperasi di bawah garis panduan yang ketat yang akan menguruskan bagaimana dana yang diamanahkan kepada mereka itu disimpan, digunakan dan dilindungi. Seperti bank, penyedia perkhidmatan e-dompet mestilah dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk beroperasi di Malaysia dan BNM menyenaraikan semua penyedia perkhidmatan yang sah di laman web rasmi mereka⁽¹⁾.

Satu sistem keselamatan utama telah dibina di dalam setiap perisian e-dompet dan juga pada setiap transaksi yang dilakukan melaluinya. Semua transaksi yang dilakukan menggunakan e-dompet memerlukan kebenaran pengguna sebelum sebarang wang dipindahkan. Ia termasuklah dengan cara pengenalan biometrik atau kata laluan.

Untuk mengelakkan kebarangkalian orang lain mendapat akses ke e-dompet anda, anda hanya boleh menggunakannya pada satu peranti dalam satu masa sahaja. Sekiranya telefon anda dicuri atau hilang, anda boleh log masuk ke aplikasi menggunakan telefon lain dan membatalkan akses. Sekiranya berlaku urus niaga yang tidak sah, kebanyakan penyedia perkhidmatan e-dompet menyediakan pemulangan caj supaya pengguna yang terlibat tidak berasa cemas. Adakah anda bersedia untuk menyertai revolusi pembayaran elektronik tanpa tunai hari ini?



*Rujukan:

(1) https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_nonbank_emoney


PAUTAN

PROGRAM DAN AKTIVITI CFM BERSAMA PENGGUNA




TEMU BUAL BERSAMA SINAR HARIAN 3 Julai 2020

Sinar Harian telah menemu bual CFM secara dalam talian untuk mendapatkan ulasan mengenai isu 'Spam SMS' yang mengenakan caj kepada beberapa pengguna telekomunikasi. Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff telah berkongsi mengenai punca perkara tersebut berlaku dan tip kepada pengguna jika menerima spam SMS serta langkah untuk mengelakkannya. Artikel berita tersebut telah disiarkan di akhbar dan portal Sinar Harian pada 3 Julai 2020.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR MMU 24 Ogos 2020

CFM telah menjalankan sesi perkongsian *Pocket Talk* secara dalam talian sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perkongsian yang dihadiri seramai 42 pelajar Universiti Multimedia (MMU) itu dijalankan secara langsung melalui platform *Google Meet*. Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin telah berkongsi mengenai 'Punca kelajuan internet perlahan dan cara untuk menyelesaikan masalah rangkaian Wi-Fi' kepada para pelajar.




SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PERSATUAN PENGGUNA SIBER MALAYSIA (MCCA) 30 Oktober 2020

Sesi *Pocket Talk* CFM bersama MCCA dijalankan secara dalam talian melalui platform *Google Meet* sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Seramai 26 peserta telah menghadiri sesi perkongsian tersebut termasuk Presiden MCCA, Siraj Jalil. Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin mengenai 'Scam dan modus operandi scammer'. Peserta turut menyertai kuiz *online* untuk menguji pemahaman mereka mengenai topik tersebut.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PENGGUNA MENERUSI FACEBOOK LIVE PERSATUAN PENGGUNA KEDAH (CAKE) 4 November 2020

Timbalan Pengerusi CFM, Mohamad Yusrizal Dato' Yusoff telah menyampaikan perkongsian mengenai 'Sindiket penipuan menggunakan telefon pintar' kepada 50 orang peserta yang hadir di TH Hotel, Alor Setar, Kedah. Perkongsian selama hampir dua jam itu telah disiarkan menerusi Facebook Live CAKE dan turut dikongsikan di Facebook CFM.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR UPM 10 November 2020

Sesi *Pocket Talk* CFM bersama pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kelas Penerbitan Elektronik), UPM telah dihadiri seramai 70 orang pelajar. Sesi tersebut disampaikan oleh Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin yang berkongsi mengenai 'Cara bantu diri menyelesaikan masalah rangkaian Wi-Fi' selama sejam melalui platform *Google Meet*.



DUA SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR UPM 16 November 2020

CFM telah menjalankan dua (2) sesi *Pocket Talk* secara dalam talian pada hari yang sama melalui *Google Meet* bersama para pelajar UPM pada waktu berbeza iaitu:

1. **Sesi pertama** – bersama 70 pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Kelas Keusahawanan dalam Komunikasi (5.00 – 6.00 petang)
Topik: 'Cabaran digital semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat'
2. **Sesi kedua** – bersama 12 pelajar Ijazah Sarjana, Kelas Komunikasi Interpersonal (6.15 – 7.15 petang)
Topik: 'Cara melindungi data peribadi anda'


Kedua-dua sesi tersebut disampaikan oleh Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin. Turut serta dalam sesi *Pocket Talk* itu ialah Pensyarah UPM yang juga merupakan ahli CFM, Ts. Dr Syed Agil Shekh Alsagoff.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR UiTM 23 November 2020


CFM telah menjalankan sesi *Pocket Talk* bersama pelajar Diploma Komunikasi dan Media (Kelas Penceritaan Digital Kumpulan 1), UiTM melalui platform *Google Meet*. Seramai 30 orang pelajar telah mendengar perkongsian yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shahdiella Abd Manan mengenai 'Cara yang betul untuk melaporkan aduan jika tidak puas hati dengan kelajuan internet jalur lebar dan data mudah alih anda.'

PAUTAN



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR UiTM
24 November 2020

Sesi *Pocket Talk* CFM telah dijalankan selama sejam bersama pelajar Diploma Komunikasi dan Media (Kelas Penceritaan Digital Kumpulan 2), UiTM melalui platform *Google Meet*. Ketua Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shadiella Abd Manan telah berkongsi mengenai 'Cara melindungi data peribadi anda' kepada 30 orang pelajar yang menyertai sesi tersebut termasuk seorang pensyarahnya.




SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR MMU
24 November 2020

15 orang pelajar Diploma Komunikasi (Kelas Media dan Budaya Digital), MMU termasuk seorang pensyarahnya telah menyertai sesi *Pocket Talk* CFM yang dijalankan secara dalam talian melalui platform *Google Meet*. Sesi perkongsian tersebut telah disampaikan oleh sekretariat CFM, Muhammad Asyraf Shipurizan tentang 'Cabaran digital semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat'.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR UiTM
25 November 2020

Sesi perkongsian CFM yang dijalankan melalui platform *Google Meet* bersama pelajar Diploma Komunikasi dan Media (Kelas Penceritaan Digital Kumpulan 3), UiTM telah disertai seramai 20 orang pelajar. Pengarah CFM, Ahmad Izham Khairuddin telah berkongsi mengenai 'Cara melindungi data peribadi' selama sejam kepada para pelajar diikuti beberapa sesi soal jawab dan kuiz *online*.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA SAHABA
2 Disember 2020

Seramai 15 orang kakitangan SAHABA telah menyertai sesi *Pocket Talk* CFM yang dijalankan selama sejam menerusi platform *Google Meet*. Sesi perkongsian tersebut telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam CFM, Noor Shadiella Abd Manan mengenai 'Tip e-Dompet'.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CFM KE-19
3 Disember 2020

Mesyuarat Agung Tahunan CFM ke-19 pada tahun 2020 telah diadakan secara maya buat pertama kalinya bagi mematuhi garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Seramai 39 ahli CFM yang terdiri daripada Persatuan Pengguna, Ahli Bersekutu, dan syarikat Penyedia Perkhidmatan telah menghadiri mesyuarat tersebut. Dalam mesyuarat tersebut ahli-ahli CFM telah membincangkan mengenai resolusi dan cadangan konstruktif untuk meningkatkan keberkesanan CFM bagi membantu menyelesaikan isu-isu pengguna. Laporan Tahunan 2019 CFM versi digital juga telah dikongsikan kepada semua ahli bagi mengetahui perkembangan CFM.



SESI PERKONGSIAN CFM BERSAMA PELAJAR MMU
8 Disember 2020

Sesi *Pocket Talk* CFM yang dijalankan melalui platform *Google Meet* bersama pelajar Diploma Komunikasi (Kelas Media dan Budaya Digital), MMU telah disertai seramai 15 orang pelajar. Sekretariat CFM, Muhammad Asyraf Shipurizan telah berkongsi mengenai 'Cara melindungi data peribadi' kepada para pelajar diikuti dengan sesi kuiz *online*.



PROGRAM FACEBOOK LIVE CFM
22 Disember 2020

CFM telah mengadakan program perkongsian secara dalam talian yang berlangsung di Facebook CFM untuk memberi pendidikan kepada para pengguna.

Dalam program tersebut, panel jemputan telah berkongsi maklumat dan tip mengenai 'Kesilapan umum pengguna sebelum dan selepas melanggan perkhidmatan'.

Tiga (3) panel jemputan yang menyampaikan perkongsian tersebut ialah:

1. Pengerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Wan Rufaidah Dato Hj Wan Omar
2. Pengarah Aduan BPA, Mohd Faizal Buang
3. Ketua Biro Aduan dan Pematuhan CFM, Zolkiflee Md Salleh

Pada akhir sesi, penceramah telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengguna yang menyertai sesi tersebut di Facebook Live CFM.

6 PERKARA KRITIKAL YANG PERLU ANDA LAKUKAN UNTUK KESELAMATAN DALAM TALIAN YANG LEBIH TERJAMIN SEMASA BEKERJA DARI RUMAH

Apabila wabak pandemik berlaku di peringkat global, terdapat peningkatan kadar jenayah siber yang ketara kerana sebahagian besar tenaga kerja telah mula bekerja dari rumah. Walaupun sebahagian syarikat mempunyai pelan kontingensi tersendiri, banyak perusahaan kecil dan syarikat lain tidak bersedia dengan perubahan cara kerja ini.

Salah satu punca peningkatan kepada jenayah siber adalah apabila berlaku campur aduk dalam penggunaan pelbagai peranti kerana kebanyakan pekerja menggunakan komputer riba dan telefon peribadi untuk melakukan tugas kerja sehingga mengabaikan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil.

Secara tidak langsung tindakan tersebut telah membuka ruang besar kepada penjenayah siber. Kebanyakan yang bekerja dari rumah berisiko untuk terdedah kepada serangan siber di mana penggodam boleh mencuri bukan sahaja data penting syarikat malahan juga identiti dan wang. Oleh itu, ia sangat penting untuk anda mengurangkan risiko tersebut.

Berikut adalah **enam (6) langkah** yang perlu anda lakukan bagi memastikan keselamatan dalam talian anda lebih terjamin semasa bekerja dari rumah.

1 PASTIKAN SEMUA PERISIAN (SOFTWARE) DAN PERISIAN TEGAR (FIRMWARE) DIKEMAS KINI

Perisian dan perisian tegar yang sudah melepasi tarikh akhir terdedah kepada kekurangan ciri-ciri keselamatan yang boleh membuka ruang kepada penggodam untuk mendapatkan akses ke sistem anda. Penggodam bukan sahaja boleh menyerang PC anda malahan penghala rangkaian internet rumah dan juga telefon pintar anda. Walaupun rangkaian IT yang dikendalikan oleh pejabat boleh menangani perkara-perkara kecil untuk anda, tetapi ia menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan peranti yang digunakan mempunyai perisian yang dikemaskini sepanjang anda bekerja jarak jauh.

2 TUKAR KATA LALUAN LAMA ANDA DI SEMUA PLATFORM KEPADA YANG LEBIH SELAMAT

Tukar dan tingkatkan kekuatan kata laluan anda di semua peranti dan akaun berkaitan kerja kepada yang lebih selamat dan terjamin. Maksudnya anda perlu menukar kata laluan kepada sesuatu yang lebih sukar untuk diteka dan tidak melibatkan kombinasi hari lahir, alamat rumah, nama keluarga dan/atau nama binatang peliharaan. Ini adalah perkara pertama yang penggodam bakal lakukan apabila mereka cuba memecahkan kata laluan anda. Jika anda tidak mampu memantau dan mengingati semua kata laluan, anda boleh gunakan aplikasi pengurus kata laluan.

3 BERHATI-HATI DENGAN SERANGAN MEMANCING DATA

Penjahay siber boleh melakukan serangan memancing data ke atas anda. Antara modus operandinya ialah mereka akan menghantar e-mel kepada anda dan berlakon seolah-olah menjadi seseorang yang anda kenali supaya anda akan membocorkan maklumat atau membuatkan anda untuk klik sesuatu pautan yang boleh memuat naik perisian hasad ke dalam peranti anda. Jangan pandang rendah terhadap mereka – penjenayah siber mampu melakukan serangan memancing data yang canggih sehingga boleh meniru akaun e-mel rasmi. Jika e-mel tersebut kelihatan aneh dan mencurigakan, sila periksa terlebih dahulu dengan pengirim sebenar.

4 GUNAKAN PENGESAHAN DUA FAKTOR

Cuba gunakan pengesahan dua faktor seboleh yang mungkin pada semua platform untuk membuat penjenayah siber lebih sukar mencuri data dan mengakses ke dalam sistem anda. Pengesahan dua-faktor merupakan langkah tambahan bagi mengesahkan identiti anda sebelum mengakses menggunakan hanya satu kata laluan pada peranti. Walaupun penggodam dapat mengetahui kata laluan anda tetapi dengan menggunakan langkah keselamatan tambahan ini akan memberikan mereka satu lagi lapisan halangan yang lebih sukar untuk mereka memintas.



5 GUNAKAN PERISIAN ANTIVIRUS

Serangan perisian hasad pada peranti anda akan menjadi satu masalah yang memeningkan dan anda boleh mengelak perkara itu daripada berlaku dengan menggunakan perisian antivirus yang kuat untuk komputer riba dan telefon anda. Ia menjadi pelaburan yang sangat berbaloi untuk membuat anda lebih tenang.

6 GUNAKAN RANGKAIAN PERIBADI MAYA (VPN)

Walaupun syarikat kebiasaannya mempunyai perkhidmatan VPN mereka sendiri, anda mungkin perlu melabur sejumlah wang jika syarikat anda tidak menyediakannya. Rangkaian Peribadi Maya (VPN) ialah perkhidmatan yang menyediakan rangkaian peribadi yang lebih selamat walaupun disambungkan melalui rangkaian awam kerana lalu lintas data anda akan disulitkan daripada diintip dan diganggu oleh pihak luar.